

**UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI
DI MAJLIS PERASMIAN HARI KASTAM SEDUNIA KE-23
DI STADIUM UITM SHAH ALAM, SELANGOR,
7 FEBRUARI 2005**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

AMPUN TUANKU, SEMBAH PATIK HARAP DIAMPUN,

PATIK MERAFAK SEMBAH MENJUNJUNG KASIH ATAS LIMPAH PERKENAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG DAN RAJA PERMAISURI AGONG, MENCEMAR DULI BERANGKAT UNTUK MERASMIKAN HARI KASTAM SEDUNIA YANG KE-23 INI. PATIK JUGA TURUT MERAFAK SEMBAH MENJUNJUNG KASIH ATAS PERKENAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR YANG JUGA BERKENAN BERANGKAT BERSAMA-SAMA PADA PAGI INI. KEBERANGKATAN DULI-DULI TUANKU SUDAH PASTI AKAN MENYERIKAN LAGI MAJLIS SAMBUTAN PADA PAGI INI.

AMPUN TUANKU, SETERUSNYA PATIK MERAFAK SEMBAH MEMOHON PERKENAN DULI-DULI TUANKU UNTUK MENERUSKAN UCAPAN KEPADA TETAMU-TETAMU HADIRIN SEKELIAN YANG LAIN. AMPUN TUANKU.

YAB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO
MENTERI BESAR SELANGOR

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

YBHG. TAN SRI ABDUL HALIL BIN ABD MUTALIB
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA

WARGA KASTAM DAN PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA SAMA-SAMA MENGUCAPKAN SYUKUR KEHADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZINNYA KITA DAPAT BERHIMPUN DI MAJLIS PADA PAGI INI UNTUK MENYAMBUT HARI KASTAM SEDUNIA KE-23. SELAWAT DAN SALAM KEPADA JUNJUNGAN BESAR KITA NABI MUHAMMAD S.A.W..

2. DI HARI YANG PENTING INI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TERIMA KASIH KEPADA KESEMUA WARGA KASTAM MALAYSIA KERANA TELAH BERJAYA MENGUMPUL DAN MENYUMBANGKAN HASIL SEJUMLAH 21.7 BILION RINGGIT PADA TAHUN LEPAS. KASTAM DIRAJA MALAYSIA ADALAH ANTARA PENGUMPUL HASIL YANG TERBESAR DI NEGARA. SUMBANGAN INI AMAT BERMAKNA TERHADAP

PEMBANGUNAN SERTA PENJANAAN EKONOMI NEGARA. JUSTERU ITU, SAYA BERHARAP KESEMUA ANGGOTA KASTAM DAPAT TERUS MELAKSANAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PUNGUTAN CUKAI DENGAN SEMPURNA DAN BERKESAN.

3. TEMA SAMBUTAN HARI KASTAM SEDUNIA YANG KE-23 INI TELAH DITETAPKAN SEBAGAI "KE ARAH MEMBANTERAS FRAUD PERDAGANGAN". TEMA YANG DIPILIH INI BEGITU SESUAI UNTUK DIJADIKAN PEDOMAN BAGI MEMERANGI SEGALA UNSUR PENIPUAN, MANIPULASI DAN PENYELEWENGAN. TEMA INI JUGA BERTEPATAN DENGAN WAWASAN DAN HASRAT UTAMA PIMPINAN NEGARA UNTUK MENEGAKKAN TADBIRURUS YANG BAIK ATAU "GOOD GOVERNANCE".

4. SEKIRANYA FRAUD PERDAGANGAN TIDAK DIBENDUNG NEGARA DAN RAKYAT AKAN MENGALAMI KERUGIAN YANG BESAR DARI SEGI WANG RINGGIT, MASA DAN TENAGA. KESELAMATAN NEGARA JUGA MUNGKIN TERANCAM SEKIRANYA AMALAN FRAUD PERDAGANGAN MELIBATKAN PENYELUDUPAN BARANGAN YANG BERBENTUK SUBVERSIF ATAU DESTRUKTIF.

5. OLEH ITU TEMA INI HARUS DIJADIKAN LANDASAN OLEH KESEMUA WARGA KASTAM UNTUK MENGGALAKKAN AMALAN YANG BERCIRIKAN INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN PERLAKUAN YANG BERHEMAH TINGGI. SEKIRANYA TADBIRURUS TERBAIK DIAMALKAN OLEH PIHAK KASTAM, AMALAN FRAUD PERDAGANGAN TIDAK SEKALI-KALI DAPAT MENULAR DAN BERKEMBANG.

6. INTEGRITI DAN AMALAN BERETIKA MERUPAKAN TERAS UTAMA KE ARAH APA JUA USAHA UNTUK MENINGKATKAN TAHAP PERKHIDMATAN. ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB SAUDARA-SAUDARI YANG MENJADI ANGGOTA KASTAM DIRAJA MALAYSIA UNTUK MENINGKATKAN TAHAP INTEGRITI PADA DIRI, UNIT, BAHAGIAN DAN JABATAN INI. AMALAN UNSUR-UNSUR YANG KURANG BERHEMAH AKAN MENIMBULKAN PELBAGAI PERSEPSI NEGATIF DAN MENJEJASKAN IMEJ JABATAN, SETERUSNYA MENGGAGALKAN KERJA-KERJA PENTING KASTAM. KEWIBAWAAN KASTAM HARUS SENTIASA DIPELIHARA UNTUK TERUS MENDAPAT SOKONGAN DAN KEYAKINAN RAKYAT.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

7. SEBAGAI SALAH SATU JENTERA PENTING SEKTOR AWAM, KASTAM HARUS TERUS BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN MUTU KERJA KE ARAH PERKHIDMATAN YANG BERDAYA MAJU DAN EFISIEN. SISTEM KERJA DAN PERUNDANGAN YANG LAMA DAN LAPUK PERLU DIPERBAHARUI, BUDAYA KERJA YANG MESRA DAN CEKAP PERLU DIAMALKAN, MANAKALA SUMBER MANUSIA YANG MAHIR DAN BERAMANAH PERLU DIBANGUNKAN. INI SEIRING DENGAN USAHA KERAJAAN KE ARAH MENDIRIKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM YANG LEBIH MANTAP DAN BERKESAN, BUKAN SAHAJA DI JABATAN KASTAM TETAPI JUGA MERANGKUMI KESELURUHAN SEKTOR AWAM.

8. DALAM PADA ITU, PIHAK SWASTA YANG BERURUSAN DENGAN KASTAM JUGA BERPERANAN UNTUK SAMA-SAMA MENDOKONG TEMA MEMBANTERAS FRAUD PERDAGANGAN DENGAN MENGHINDARI DAN MEMBASMI AMALAN TIDAK BERINTEGRITI. PIHAK SWASTA BERPERANAN BESAR UNTUK MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG SIFAR RASUAH. SESUNGGUHNYA, TANGGUNGJAWAB MENINGKATKAN INTEGRITI PERLU DISOKONG OLEH SEMUA SEKTOR DAN SEMUA PIHAK.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

9. SAMBUTAN HARI KASTAM SEDUNIA HARUSLAH DILIHAT SEBAGAI SATU PENGIKTIRAFAN PENTING BAGI SETIAP ANGGOTA KASTAM DIRAJA MALAYSIA. HARI KASTAM HARUSLAH DIJADIKAN WADAH YANG BUKAN SAHAJA MENGHARGAI SEGALA SUMBANGAN ANGGOTA JABATAN, MALAH JUGA DIJADIKAN WADAH UNTUK MEMPERBAHARUI SEMANGAT SERTA ILTIZAM ANGGOTA KASTAM UNTUK MENGHASILKAN PERKHIDMATAN BERTARAF DUNIA YANG DIHORMATI, DISEGANI DAN DITELADANI.

10. SAYA DIFAHAMKAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA TELAH MENINGKATKAN INISIATIF UNTUK MENGGALAKKAN PEMATUHAN (“COMPLIANCE”) DAN SETERUSNYA MEMUNGUT HASIL MELALUI PELBAGAI PROGRAM DAN OPERASI YANG DILAKSANAKAN SECARA TERANCANG, TERMASUKLAH OPERASI PENGESANAN HASIL YANG BOCOR DAN TIDAK DISEMPURNAKAN.

11. SAYA JUGA DIFAHAMKAN KASTAM TELAH MELAKSANAKAN PELBAGAI PENDEKATAN BAGI MENANGANI AMALAN-AMALAN TIDAK BERINTEGRITI MELALUI PROGRAM-PROGRAM PENGURUSAN INTEGRITINYA YANG TERSENDIRI. DI SAMPING OPERASI PENGESANAN YANG BERKENAAN, KASTAM JUGA TELAH MELAKSANAKAN KEMPEN-KEMPEN KESEDARAN KEARAH MENINGKATKAN KEFAHAMAN PARA PEMBAYAR CUKAI UNTUK BENAR-BENAR MEMAHAMI TANGGUNGJAWAB MEMBAYAR CUKAI – SEPERTI CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN – DALAM USAHA UNTUK MENINGKATKAN LAGI PUNGUTAN HASIL.

12. INISIATIF-INISIATIF SEPERTI INI HARUS DITERUSKAN DEMI MENCAPAI PUNGUTAN HASIL YANG LEBIH SEMPURNA DAN BERKESAN. SAYA BERHARAP ANGGOTA KASTAM AKAN SENTIASA BERSIFAT PROAKTIF DAN INOVATIF DALAM MENJALANKAN TUGAS-TUGAS KEARAH MEWUJUDKAN TAHAP PERKHIDMATAN YANG LEBIH BERMUTU, SAMA ADA DARI SEGI PENTADBIRAN MAHUPUN PENGUATKUASAAN.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

13. KASTAM JUGA HARUS SENTIASA MEMAPARKAN PERKHIDMATAN PELANGGAN YANG TERBAIK. PERKHIDMATAN PELANGGAN YANG TERBAIK BUKAN SAHAJA DAPAT MENCERMINKAN IMEJ YANG UNGGUL TETAPI DAPAT MENINGKATKAN BUDAYA

KERJA JABATAN. SELARAS DENGAN KEMPEN BUDI BAHASA DAN NILAI-NILAI MURNI KERAJAAN, SAYA BERHARAP ANGGOTA KASTAM YANG BERKHIDMAT DI KAUNTER-KAUNTER DAN JUGA DI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN AKAN MEMBERI PERKHIDMATAN DENGAN PENUH BERADAB MELALUI TUTUR KATA YANG MESRA, BERSOPAN DAN BERSIFAT SENTIASA INGIN MEMBANTU.

14. BUDAYA KERJA DAN INTEGRITI YANG TERBAIK SERTA PERKHIDMATAN PELANGGAN YANG UNGGUL ADALAH AMAT PENTING BAGI MEMASTIKAN KASTAM SENTIASA CEKAP DAN BERKESAN. SEMOGA SEGALA DAYA USAHA ANGGOTA KASTAM AKAN DITERUSKAN DAN DITAMBAHBAIK SEPANJANG MASA, KE ARAH MEWUJUDKAN SEBUAH JABATAN YANG BUKAN SAHAJA MENJADI KEBANGGAAN ANGGOTA KASTAM, MALAH DIHORMATI DAN DIYAKINI SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT. SELAMAT MENERUSKAN KHIDMAT DENGAN AMANAH, IKHLAS DAN PENUH DEDIKASI.

AMPUN TUANKU BERIBU-RIBU AMPUN, SEMBAH PATIK MOHON DIAMPUN. SEKIANLAH UCAPAN PATIK.